

Bahagian A
[10 markah]

[Masa yang dicadangkan : 15 minit]

Tulis **lima ayat** yang lengkap tentang aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam gambar di bawah.



Bahagian B
[30 markah]

[Masa yang dicadangkan : 40 minit]

Pilih **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **tidak kurang daripada 80 patah perkataan.**

1. Sekolah kamu telah mengadakan Majlis Hari Kecemerlangan.

Ceritakan suasana semasa majlis itu dijalankan.

ATAU

2. Kamu sedang berbual dengan seorang rakan tentang cara-cara menjaga keselamatan diri di jalan raya.

Tulis perbualan kamu itu.

ATAU

3. Persatuan Bahasa Melayu sekolah kamu telah mengadakan lawatan ke suatu tempat yang menarik.

Tulis catatan kamu tentang lawatan tersebut.

Bahagian C
[20 markah]

[Masa dicadangkan : 20 minit]

*Tulis lima pengajaran yang boleh kamu dapati daripada petikan di bawah.
Panjang jawapan kamu mestilah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.
Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.*

Asmali tidak memilih makanan. Dia sentiasa berselera ketika menikmati hidangan. Setiap makanan adalah sedap baginya. Dia tidak pernah menghiraukan sama ada makanan itu manis atau berkolesterol tinggi. Dia tetap makan sehingga benar-benar kenyang. Asmali tidak gemar bersenam. Pelbagai alasan diberikannya supaya tidak terlibat dalam aktiviti Pendidikan Jasmani. Baginya, bersenam merupakan suatu bebanan. Dia hanya duduk bersandar di tiang gol bola sepak memerhatikan kawan-kawannya bermain. Dia langsung tidak berminat untuk mengeluarkan peluh semasa aktiviti permainan tersebut.

Selain itu, Asmali terlalu banyak menghabiskan masa lapangnya dengan tidur. Dia kerap tidur pada waktu petang selepas waktu persekolahan. Rutin hariannya hanyalah makan dan tidur sahaja. Akibatnya Asmali selalu sakit, kesihatannya sering terganggu. Asmali juga amat sukar menerima nasihat keluarga atau kawan-kawannya. Malah, dia akan memarahi sesiapa sahaja yang cuba menasihatinya. Kawan-kawannya berharap agar Asmali akan sedar betapa pentingnya mengamalkan "Gaya Hidup Sihat".

A series of 20 horizontal lines for writing.

